

19 MAR 1999

CD ROM-MAHATHIR

PENCAPAIAN DR MAHATHIR KINI DALAM CD ROM

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Kisah mengenai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan pencapaiannya selama 17 tahun sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat, kini boleh didapati dalam bentuk CD-ROM dan VCD interaktif.

CD-ROM itu dijual pada harga RM60 setiap satu di kedai-kedai buku, kedai POS 2020, MAS Boutique dan kedai cenderamata hotel terpilih.

CD-ROM yang bertajuk "Mahathir: CEO Malaysia INC", akan dilancarkan oleh Institut Strategik dan Kepemimpinan Asia (ASLI) bulan ini, demikian menurut ASLI dalam kenyataannya di sini hari ini.

CD-ROM dan VCD itu membincangkan kisah-kisah kejayaan Malaysia dengan penumpuan kepada kepemimpinan strategik Dr Mahathir.

"Dr Mahathir telah meletakkan Malaysia di landasan pertumbuhan luar biasa dan telah menetapkan paradigma baru dalam pentadbiran kerajaan, kepemimpinan politik dan pengurusan ekonomi," katanya.

"Kami bangga untuk mengumumkan bahawa ini adalah penerbitan multimedia pertama mengenai Dr Mahathir," katanya.

CD-ROM itu mengandungi lebih 35 ucapan perdana menteri, keterangan watak dan pandangan rakan-rakan politik, pemikiran rakyat dan pemimpin industri dan juga penumpuan pentadbiran strategik dalam dasar-dasar utama dan perubahan.

Juga dimasukkan adalah wawancara eksklusif selama sejam dengan Dr Mahathir yang dibuat dalam format VCD digital, di mana beliau bercakap mengenai aspirasi Bangsa Malaysia, kebingkasan Wawasan Vision 2020, nilai keluarga dan agama, generasi akan datang dan kepemimpinan dalam alaf akan datang.

Ia juga mengandungi pandangan Dr Mahathir terhadap Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, senario politik tempatan, kawalan modal dan isu-isu semasa Malaysia selepas dilanda krisis ekonomi.

-- BERNAMA

WNZ JR MA